

## K TERENGGANU

BH 03/07/07 Pg. 16

### Dua pulau ditemui

**P**enyelidik Jabatan Sains Marin, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) menemui lima pulau, termasuk dua pulau yang dikatakan hilang akibat hakisan, di kawasan Hutan Paya Laut Laguna, Setiu.

Bercakap kepada pemberita selepas memeterai perjanjian antara UMT dan Tabung Hidupan Liar Sedunia (WWF) Malaysia di UMT, di sini, semalam, Naib Canselor UMT, Prof Datuk Dr Sulaiman Md Yassin, berkata, pulau berkeluasan lapan hektar itu dikesan kumpulan 20 penyelidik pada 2005 melalui kaedah pemetaan Differential Global Positioning System (DGPS) ketika membuat kajian untuk memajukan kawasan Tanah Bencah Setiu.

"Kajian itu dilakukan berikutan Laguna Setiu mengalami perubahan fizikal yang mungkin dipengaruhi faktor cuaca," katanya.